

# **MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN**

## **SIJIL KURSUS KEPADA PENGERUSI**

### **JAWATANKUASA PERWAKILAN**

### **PENDUDUK (JPP) NEGERI SELANGOR**

### **BAGI SESI 2016-2018**



Pada 22 Oktober 2017, bertempat di Natural Health Naturopathic Academy (NHNA), Shah Alam, Selangor telah berlangsung Majlis Penutup Kursus dan Penyampaian Sijil Kursus kepada 269 Pengurus Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Negeri Selangor bagi Sesi 2016-2018 yang telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar (Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

Peranan utama JPP adalah untuk menggalakkan penyertaan penduduk dalam program dan pembangunan kawasan setempat, membantu menangani isu-isu kesejahteraan bandar, meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan dan mewujudkan hubungan yang baik antara masyarakat dalam kawasan kejiranan setempat.

KPKT melalui Bahagian Kesejahteraan Bandar telah menetapkan bahawa kursus adalah merupakan Indeks Prestasi Utama (KPI) dan salah satu program wajib yang perlu dihadiri oleh setiap Pengerusi JPP. Modul Latihan JPP 2.0 telah ditambah baik dari modul kursus sedia ada agar lebih relevan dengan perkembangan semasa bagi memperkasakan pemimpin masyarakat sebagai penggerak masyarakat dalam kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT). Modul latihan JPP 2.0 ini adalah meliputi perkara-perkara seperti yang berikut:

- i. Meet My JPP;
- ii. Gerak Kerja JPP;
- iii. Towering Leadership;
- iv. Feel Good Factor; dan
- v. Executive Talk.

Penubuhan JPP di Negeri Selangor tidak disandarkan kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan PBT tetapi dilaksanakan melalui Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPN). Bagi memastikan kehadiran Kerajaan Persekutuan dapat dijiwai pada peringkat PBT, Pengerusi JPP perlu memastikan isu-isu dan permasalahan di dalam kawasan tanggungjawab dapat diberi perhatian dan diselesaikan sama ada pada peringkat JPP sebelum dirujuk kepada PPPN atau pun KPKT dengan kadar segera.



Bagi Negeri Selangor, masih terdapat 17 zon JPP yang masih belum lengkap pelantikan anggotanya dan pembayaran elaun hanya akan dibuat selepas struktur JPP lengkap sepenuhnya. Hal ini telah diputuskan oleh KPKT yang mana mulai 1 September 2016, tiada bayaran elaun bagi JPP yang tidak lengkap pelantikan keanggotaannya (seramai 10 orang bagi setiap zon).

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KPKT